

## SALUTASI

### PENTAULIAHAN FIBER OPTIK

Bismillahirrahmanirrahim  
Terima kasih pengacara majlis

#### **Yang Berusaha En Yousri Tabin**

Ketua Pengarah Eksekutif, Significant Technologies Sdn Bhd

#### **Yang Berusaha Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali Bin Omar**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)

#### **Yang Berusaha Encik Mohd Saiful Nizam Bin Khalid**

Timbalan Pengarah, Unit Pembangunan Kompetensi, Bahagian Peningkatan Kerjaya, Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (Jppkk)

#### **Yang Berusaha Profesor Madya Ts. Dr. Mohd Sanusi bin Azmi**

Dekan Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi

#### **Yang Berusaha Profesor Ts. Dr. Burhanuddin bin Mohd Aboobaider**

Timbalan Pengarah Pusat Pengurusan Kolaborasi RICE-UTeM Melaka

Pegawai-Pegawai Kanan Jabatan Pendidikan Politeknik Dan Kolej Komuniti (Jppkk)

Pegawai-Pegawai Kanan Unit Biasiswa, Kementerian Pendidikan Tinggi

Pegawai-Pegawai Kanan Significant Technologies Sdn Bhd

Timbalan-Timbalan Dekan FTMK

Ketua-Ketua Jabatan di FTMK

Rakan-Rakan industri

Peserta-Peserta Program Pentauliahan Profesional Gentian Optik

Tuan-Tuan dan Puan-Puan

Assalamualaikum Wbt dan Salam Sejahtera,  
Salam UTeM ku Sayang, Menjajar Universiti, Melonjak Ke  
Hadapan.



**TEKS UCAPAN NAIB CANSELOR  
YBRS. PROFESOR TS. DR. MASSILA KAMALRUDIN**

---

**PENUTUP PROGRAM PENTAULIAHAN PROFESIONAL DALAM  
FIBER OPTIK**

اونيورسيتي تيكنيكل مليسيا ملاك  
**17 Februari 2023 (Jumaat)**  
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA  
**Dewan Seminar FTMK**

## SALUTASI

1. Terlebih dahulu marilah kita memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan rahmat dan izinNya kita dapat bersama-sama di Majlis Penutup Pentauliahahan Profesional Gentian Optik anjuran JPPKK, KPT dan UTeM. Bagi pihak UTeM saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak JPPKK dan Jabatan Biasiswa kerana telah memberi kepercayaan kepada kami dan rakan-rakan industri untuk mengendalikan program seumpama ini.

## **Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

2. Sepertimana yang semua sedia maklum, melaksanakan program pentauliahahan profesional gentian optik ini adalah sejajar dengan inisiatif Universiti untuk menyemarakkan kolaborasi universiti dan institut pengajian tinggi awam yang lain dalam melahirkan tenaga pengajar yang mempunyai kepakaran yang diiktiraf pihak industri, seterusnya kepada para pelajar. Program ini adalah merupakan salah satu dari usaha memartabatkan pendidikan teknikal negara hasil dari jalinan dan kerjasama strategik yang telah dimeterai antara JPPKK

dan Rangkaian Universiti Teknikal Malaysia (MTUN) pada 2 Jun 2022.

3. Pada akhir Januari tahun ini, kita baru sahaja mendengar Perutusan Tahun Baharu 2023 dari YB Menteri Pendidikan Tinggi, Datuk Seri Mohamed Khaled Nordin. YB Menteri telah menyasarkan 11 azam dalam menyusun semula Kementerian Pendidikan Tinggi bagi memulih dan meningkatkan keyakinan dan kepercayaan rakyat kepada Kerajaan khususnya terhadap sektor pendidikan tinggi negara.

4. Sistem dan ekosistem TVET nasional adalah merupakan azam ke 7 yang terlibat terus dengan MTUN. Kita sedia maklum, dunia kini sarat dengan pelbagai ledakan pendigitalan, inovasi sains dan automasi. Satu era peralihan yang besar, sukar dan mencabar. Semua ini memerlukan MTUN untuk menawarkan program kemahiran yang sesuai dengan kemahiran termaju ini.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

5. Sebenarnya pada masa ini Malaysia memerlukan kemahiran dan kecekapan teknologi. Kemahiran yang

bersifat kalis masa depan dan tidak lagi melihat kemahiran teknikal yang sesuai untuk industri lepas yang telah ketinggalan zaman. Dalam erti kata lain, kita memerlukan kemahiran 'transversal' bukan sekadar mekanikal. Melihat kepada mega trend dunia pada masa kini, ianya sedang menjurus kepada tiga perubahan utama. Ini adalah selaras dengan Perutusan YBM di mana beliau telah menyasarkan 3 trend utama. Pertama High Arts. Kedua High Tech. Ketiga High Touch.



6. **High Arts**, dimana kemahiran seni perlu dipertingkatkan dengan kualiti artistik dan kreativiti aras tinggi. Muzik yang berkelas dunia. Lukisan yang diiktiraf bernilai. Tenunan yang bermutu tinggi. **High Tech**, melihat kepada kemahiran mengurus teknologi paling terkini dengan cekap. Sebagai contoh, menulis pelbagai pengaturcaraan, mengurus makmal sukan berprestasi tinggi untuk atlet bertaraf global. Berupaya dan mahir dalam menyelenggara pesawat paling canggih dan berupaya untuk melakukan kerja kimpalan bawah laut dengan teknologi robotik. Manakala **High Touch** pula ialah

kemahiran sentuhan berprestasi tinggi. Di mana pekerja dilatih secara mahir agar dapat disediakan untuk melakukan sebahagian daripada kerja seorang pakar.

**Tuan-Tuan dan Puan-Puan yang dihormati sekalian,**

7. Sepanjang tempoh program ini dilaksanakan, anda dikehendaki untuk mengikuti sesi kelas melibatkan kuliah dan praktikal. Didedahkan dengan teknologi terkini yang digunapakai oleh pihak industri, seminar dan lawatan industri dan diakhir setiap sesi itu anda dikehendaki untuk menyediakan lapuan berkaitan dan perlu untuk

menduduki peperiksaan bagi membolehkan anda diberikan pensijilan professional Fiber Optik. Alhamdulillah saya dimaklumkan bahawa anda telahpun LULUS pada kesemua 12 persijilan fiber optik yang ditawarkan. **TAHNIAH DAN SYABAS.**

8. Saya mengharapkan apa yang telah dilaksanakan di antara pihak KPT, JPPKK, UTeM, dan pihak industri berkaitan tidak berakhir di sini. Perancangan yang telah dibuat hasil dari jalinan dan kerjasama strategik yang telah dimeterai antara JPPKK dan Rangkaian Universiti

Teknikal Malaysia (MTUN) perlu diteruskan melalui penyelidikan bersama, pemindahan dan perkongsian teknologi kepakaran, pelaksanaan projek industri bersama, pemantapan kurikulum, penerbitan bersama, peningkatkan kerjaya Pensyarah dan Pegawai di bawah JPPKK dan sebagainya yang difikirkan memberi keuntungan kepada semua pihak.

9. Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua yang terlibat dalam memastikan program ini dapat dilaksanakan. Terima kasih kepada pihak

JPPKK, Bahagian Biasiswa, Rakan-rakan Industri, pihak urusetia, peserta dan semua yang terlibat di FTMK. Tahniah kepada kesemua peserta Program Pentauliahan Profesional dalam Fiber Optik. Saya berharap program ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang. INSYALLAH.

Sekian

Wabillahitaufiq wal hidayah.

Wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.